

13 APR 2003

Syed Hamid-PM

HORMATI KEPUTUSAN PM, TUMPU PERHATIAN KEPADA P/RAYA UMUM, KATA SYED
HAMID

PORT DICKSON, 13 April (Bernama) -- Semua pemimpin dan anggota Umno harus menghormati keputusan dan pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara dan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno Oktober ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Saya fikir, Perdana Menteri dah buat keputusan dan berulang kali menyatakan pendiriannya. Jadi kita jangan menyusahkan PM, kita seharusnya menghormati keputusannya itu.

"Dia dah beritahu berulang kali bahawa dia tak akan mengubah pendirian itu dan mengumumkannya secara terbuka. Dia dah membuat kompromi, walaupun dia hendak berhenti pada masa itu (pada Perhimpunan Agung Umno tahun lepas), tetapi atas desakan pemimpin dan ahli Umno, dia bersetuju untuk tunggu sehingga Oktober ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas usul yang dibuat Umno Bahagian Tawau semalam yang mencadangkan agar bahagian-bahagian Umno di seluruh negara sebulat suara meminta dan merayu Dr Mahathir menarik balik hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Syed Hamid ditemui selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Telok Kemang di sini hari ini. Hadir sama Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad yang juga Ketua Umno Bahagian itu.

Ketua Umno Bahagian Tawau, Datuk Abdul Ghapur Salleh, ketika berucap pada persidangan Umno bahagian itu semalam dilaporkan berkata, Umno Tawau berpendapat negara masih memerlukan pimpinan dan bimbingan Dr Mahathir dan merayu beliau agar terus menyandang kedua-dua jawatan itu.

Syed Hamid berkata perkara itu tidak harus diungkitkan lagi dan sepatutnya pemimpin dan anggota Umno menumpukan sepenuh perhatian dan tenaga bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Jangan timbulkan masalah kepada ahli Umno sendiri," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Syed Hamid menasihatkan semua anggota Umno supaya terus bekerja keras tanpa mengharap balasan, tetapi bekerja untuk kepentingan parti dan perjuangan bangsa.

"Perjuangan memartabat dan mengangkat bangsa kita perlu diperjuangkan terus agar bangsa kita akan terus dihormati pada masa akan datang," katanya.

--BERNAMA

APG MAI